

09 JUL 1999

MAHATHIR-NTT

FIRMA M'SIA HARUS BELAJAR DARI ORANG LAIN, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa masih banyak yang perlu dipelajari oleh syarikat-syarikat Malaysia dari syarikat seperti NTT Corporation dari Jepun, bukan sahaja sebagai peneraju telekomunikasi global, tetapi juga sebagai sebuah entiti perniagaan yang berjaya.

"Dengan kerjasama erat, kita (syarikat tempatan) boleh belajar daripada pengalamannya (NTT) dan mencontohi kejayaannya," kata beliau semasa merasmikan pembukaan Pusat MSC NTT di sini.

Pusat yang menelan belanja RM50 juta itu merupakan kemudahan penyelidikan dan pembangunan operasi yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pusat penyelidikan NTT yang pertama di luar Jepun dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berharap melalui kerjasama erat dan perangkaian dengan NTT, syarikat-syarikat tempatan boleh belajar daripada pendekatan Jepun yang dikenali sebagai "ciptaan pengetahuan", yang amat berlainan daripada kaedah Barat.

Beliau merujuk kepada sebuah buku yang dikarang bersama oleh Ikujiro Noinaka dan Hirotashi Takeuchi, yang menganalisis bagaimana syarikat-syarikat Jepun mencipta dinamisme inovasi atau "Syarikat Pencipta Pengetahuan."

Buku mereka mendedahkan apa yang membezakan syarikat-syarikat Jepun dari segi membawa inovasi yang berterusan dan menggariskan hubungan antara luar dan dalam sesebuah organisasi.

"Pengetahuan yang dikumpul dari luar dikongsi bersama secara meluas dalam organisasi tersebut, disimpan sebagai sebahagian daripada pangkalan pengetahuan syarikat, dan digunakan oleh mereka yang terbabit dalam mengembangkan teknologi dan produk baru," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa "proses pertukaran" dalam syarikat Jepun yang berlaku akan memastikan pengetahuan dari luar ditukarkan dan akan keluar semula dalam bentuk produk, perkhidmatan atau sistem baru.

"Menurut mereka (Noinaka and Takeuchi), keberkesanan proses pertukaran inilah yang menyemarakkan inovasi berterusan dalam syarikat-syarikat Jepun, yang mendorong kepada kelebihan daya saingan," katanya.

Dr Mahathir berkata satu lagi ciri unik syarikat Jepun, seperti yang diperhatikan oleh pengarang-pengarang ini, ialah hakikat bahawa tiada satupun bahagian atau kumpulan pakar yang mempunyai tanggungjawab eksklusif bagi mencipta pengetahuan baru.

"Pekerja-pekerja barisan hadapan, pengurus-pengurus pertengahan dan pengurus-pengurus kanan semuanya memainkan peranan, walaupun terdapat pembezaan antara ketiga-tiga peranan tersebut," katanya sambil menambah bahawa dengan demikian, penciptaan pengetahuan baru merupakan hasil interaksi dinamis di kalangan mereka.

Menyentuh tentang Pusat MSC NTT, Dr Mahathir menegaskan bahawa pusat tersebut akan menjadi pusat telekomunikasi syarikat tersebut bagi kegiatan seperti kegiatan nilai ditambah rangkaian global "Arcstar". Ia juga akan menawarkan perkhidmatan penyelesaian total bagi syarikat-syarikat multinasional.

"Saya juga gembira dengan bidang-bidang yang telah dikenalpasti bagi penyelidikan, termasuk Internet generasi akan datang, penterjemahan mesin yang antara lain, meliputi bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia-Jepun-Cina, dan indeks data digital," katanya.

Dr Mahathir berkata pusat tersebut telah melangkah setapak lagi dalam mengenalpasti bidang-bidang untuk penyelidikan bersama, yang sebahagiannya telahpun bermula, misalnya R&D mengenai perlindungan luapan petir.

Dengan semua kriteria teknologi ini dipenuhi, katanya MSC kini mempunyai semua pra-syarat yang diperlukan untuk menjadi pusat ujian bagi teknologi telekomunikasi wayarles.

-- BERNAMA

TM KY MA